

***Kajian Terhadap Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam
Penilaian Menengah Rendah di Sabah***

*Dr Mohamad Johdi Salleh, International Islamic University Malaysia, KL
Mazliza Kamin, Ranau, Sabah; Caroline L Loven, Kiulu, Sabah;
Jane Frances Henry, Sandakan, Sabah; Moini Rubin, Tamparuli, Sabah*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kecemerlangan akademik dan masalah yang dihadapi untuk mencapai kecemerlangan akademik dalam kalangan pelajar Penilaian Menengah Rendah (PMR). Sampel kajian ini melibatkan 200 orang pelajar Tingkatan 4 dan 5 di SMK Lohan Ranau Sabah (SMKL) dan SMK Tun Fuad Tamparuli Sabah (SMKTF) sebagai responden. Kajian ini berbentuk deskriptif dengan menggunakan soal selidik mengikut skala likert 5 point. Penyelidik telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Satu soal selidik yang mengandungi dua bahagian soalan telah diedarkan kepada responden secara rawak. Manakala data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan “Statistical Packages For Social Sciences”(SPSS) versi 17.0. Hasil dari penganalisan data ini diterangkan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa domain sendiri, guru, ibubapa, dan rakan banyak mempengaruhi strategi dan gaya pembelajaran pelajar yang mendorong kepada pencapaian PMR.

Kata kunci : Strategi – Gaya Pembelajaran - Pencapaian PMR

4.2 Analisis faktor mempengaruhi pencapaian akademik (PMR) pelajar

4.2.1 Faktor paling dominan mempengaruhi kecemerlangan pencapaian PMR pelajar dalam aspek sendiri

Analisis bagi menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi kecemerlangan pelajar PMR dalam aspek domain sendiri pelajar SMK Tun Fuad Stephens, Kiulu, Tuaran dan SMK Lohan, Ranau adalah menggunakan kekerapan min dan sisihan piawai bagi setiap item soalan dan min keseluruhan.

Jadual 5 menunjukkan analisis responden mengikut kekerapan, peratus, sisihan piawai dan min bagi faktor sendiri. Bagi pernyataan “mempunyai matlamat yang jelas” mempunyai tahap min yang sederhana iaitu 3.89 dan sisihan piawai 0.772. Bilangan responden yang sangat tidak setuju tiada, 3 orang atau 1.5% peratus tidak setuju, 62 atau 31% peratus agak setuju, 88 atau 44% peratus orang setuju dan 31 orang atau 20.7 peratus sangat setuju ialah 47 atau 23.5%.

Sementara itu, pernyataan “mempunyai rancangan belajar yang teratur” mempunyai min yang sederhana iaitu 4.10 dan sisihan piawai 0.823. Bilangan responden yang sangat tidak setuju ialah 1 orang atau 0.5% peratus, 46 atau 23% orang tidak setuju, 77 orang atau 38.5% peratus agak setuju, 77 orang atau 38.5% peratus setuju dan 74 orang atau 37% peratus sangat setuju.

Jadual 5:
Taburan Responden Mengikut Kekurangan, Peratus, Sisihan Piawai dan Min
Bagi Faktor Kendiri Pelajar yang mempengaruhi pencapaian PMR pelajar (n = 200)

Bil .	Pernyataan	STS	TS	AS	S	SS	Min	SP
		1	2	3	4	5		
1.	Mempunyai matlamat yang jelas	-	3 1.5%	62 31%	88 44%	47 23.5%	3.89	0.772
2.	Mempunyai rancangan belajar yang teratur	1 0.5%	2 1.0%	46 23%	77 38.5%	74 37%	4.10	0.823
3.	Membuat persediaan peperiksaan dari peringkat awal	-	1 0.5%	47 23.5%	62 31%	90 45%	4.20	0.816
4.	Membaca buku sekolah yang sesuai	-	3 1.5%	31 15.5%	76 38%	90 45%	4.26	0.773
5.	Berdoa	-	1 0.5%	34 17%	58 29%	107 53.5%	4.35	0.775
Purata							4.16	0.791

Seterusnya, bagi pernyataan “membuat persediaan peperiksaan dari peringkat awal” mempunyai min yang paling tinggi iaitu 4.20 dengan sisihan piawai 0.816. Jumlah responden yang sangat tidak setuju tiada. 1 orang atau 0.5 peratus tidak setuju, 47 orang atau 23.5 peratus agak setuju, 62 orang atau 31 peratus setuju, dan 16 orang atau 10.7 peratus sangat setuju.

Di samping itu, pernyataan “membaca buku sekolah yang sesuai ” mempunyai tahap min yang terendah iaitu 4.26 dan sisihan piawai 0.773. Bilangan responden yang sangat tidak setuju tiada. 3 orang atau 1.5 peratus tidak setuju, 31 orang atau 15.5 peratus agak setuju, 76 orang atau 38 peratus orang setuju. 90 orang atau 45 peratus sangat setuju.

Bagi pernyataan “berdoa” juga mempunyai, min yang tinggi iaitu 4.35 dan sisihan piawai adalah 0.775. Bilangan responden yang sangat tidak setuju tiada, 1 orang atau 0.5 peratus tidak setuju, 58 orang atau 29 peratus agak setuju, 58 orang setuju atau 29 peratus setuju dan 107 orang atau 53.5 peratus sangat setuju.

Berdasarkan kepada paparan data dalam jadual, bolehlah disimpulkan bahawa domain sendiri sememangnya mempengaruhi kecemerlangan pencapaian PMR pelajar terutama faktor berdoa yang meliputi 107 responden yang sangat bersetuju dan 90 responden pula sangat bersetuju membuat persediaan peperiksaan dari peringkat awal. Kedua-duanya mencapai sasaran min 2.00. Antara sebab mengapa kedua-duanya menjadi faktor tertinggi mempengaruhi pencapaian PMR pelajar kerana pelajar tahu, untuk mendapatkan kejayaan dan kecemerlangan dalam pelajaran perlulah ada persediaan untuk menghadapi peperiksaan pada peringkat awal.

Kemudian, usaha tersebut perlu diiringi dengan doa supaya segala usaha belajar diberkati dan sekaligus akan membantu membuahakan kejayaan yang cemerlang.

Sekiranya ditinjau lebih lanjut kejayaan pelajar dalam pelajaran mereka turut dipengaruhi oleh dorongan dan sikap pelajar itu sendiri. Dorongan ini boleh dikategorikan sebagai dua jenis iaitu dorongan yang datang daripada diri sendiri, yakni dorongan dalaman dan dorongan luaran (Khalid Mohamed Nor,2006). Dorongan dalaman ini datang daripada pendekatan, sikap, perasaan dan pemikiran yang merujuk kepada cita-cita yang ingin dicapai, perasaan ingin bersaiang dengan rakan atau lawan, ingin merasai kepuasan menuntut ilmu, merasakan pembelajaran adalah sesuatu yang menyeronokkan dan senang apabila masyarakat memandangi tinggi terhadap kejayaan mereka. Selain itu, dari segi dorongan luaran pula merujuk kepada factor ganjaran apabila sudah berjaya kelak seperti kemampuan untuk dapat hidup lebih mewah dan sebagainya. Latar belakang keluarga yang agak miskin, hidup susah atau ibu bapa yang terdiri daripada ahli akademik dan professional juga turut mendorong kepada kejayaan pelajar.

4.2.2 Faktor paling dominan mempengaruhi kecemerlangan pencapaian PMR pelajar dalam aspek guru

Jadual 6 menunjukkan analisis taburan responden mengikut kekerapan, peratus, sisihan piawai dan min bagi faktor guru dalam kalangan pelajar SMK Tun Fuad Stephen, Kiulu, Kota Kinabalu dan SMK Lohan, Ranau, Sabah.

Jadual 6:
Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratus, Sisihan Piawai dan Min Bagi
Faktor Domain Guru (N = 200)

Bil.	Pernyataan	STS	TS	AS	SS	SSS	Min	SP
		1	2	3	4	5		
1.	Menjadikan guru sebagai pembimbing utama pembelajaran	-	-	24 12%	54 27%	122 61%	4.49	.701
2.	Sentiasa memohon restu guru	-	1 0.5%	12 6%	72 36%	115 57.5%	4.50	.634
3.	Motivasi Guru	4 2.0%	2 1.0%	67 33%	58 29%	69 34.5%	3.93	.948
4.	Latih Tubi	3 1.5%	2 1.0	38 19%	46 23%	111 55.5%	4.30	.913
5.	Kesungguhan guru mengajar	1 0.5%	2 1.0%	48 24%	42 21%	107 53.3%	4.26	.892
Purata							4.29	.817

“Memohon restu daripada guru” merupakan pernyataan yang mencatatkan tahap min yang paling tinggi iaitu 4.50 dan sisihan piawai 0.634. Tiada responden yang sangat tidak setuju tetapi terdapat seorang responden yang tidak setuju dengan mencatatkan 0.5%. Bilangan responden yang agak setuju ialah 12 orang atau 6%, responden yang setuju seramai 72 orang atau 36% dan responden yang sangat setuju seramai 115 orang atau 57.5% iaitu peratusan kedua tertinggi selepas pernyataan “Menjadikan guru sebagai pembimbing utama pembelajaran”.

Seterusnya pernyataan “Menjadikan guru sebagai pembimbing utama pembelajaran” mempunyai tahap min yang agak tinggi iaitu 4.49 dan sisihan piawai 0.701. Tiada responden yang sangat tidak setuju dan tidak setuju. Bilangan responden yang agak setuju ialah 24 orang dengan peratusan sebanyak 12%. Responden yang setuju dengan pernyataan ini ialah 54 orang iaitu kira-kira 27% dan bilangan responden yang sangat setuju ialah seramai 122 orang dengan mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 61%.

Pernyataan “Guru memberi latihan” mempunyai min tahap sederhana iaitu 4.30 dan sisihan piawai 0.913. Bilangan responden yang sangat tidak setuju ialah 3 orang atau 1.5%, tidak setuju 2 orang atau 1%, responden yang agak setuju 38 orang atau 19%, setuju 46 orang atau 23% dan yang sangat setuju ialah seramai 111 orang atau 55.5%.

Selain itu, “Kesungguhan guru mengajar” juga mempunyai min tahap sederhana iaitu 4.26 dan sisihan piawai 0.892. Bagi pernyataan ini bilangan responden yang sangat tidak setuju ialah seramai 1 orang atau 0.5%, tidak setuju 2 orang atau 1.0%, agak setuju 48 orang atau 24%, setuju 42 orang atau 21% dan yang sangat setuju seramai 107 orang atau 53.5%.

Pernyataan yang mencatatkan min yang paling rendah ialah “Motivasi guru” iaitu dengan min 3.93 dan sisihan piawai 0.948. Bilangan responden yang sangat tidak setuju ialah 4 orang atau 2%, tidak setuju 2 orang atau 1%, agak setuju 67 orang atau 33.5%, setuju 58 orang atau 29% dan yang sangat setuju 69 orang atau 34.5%.

Berdasarkan dapatan kajian yang telah diperolehi, guru sememangnya merupakan salah satu faktor yang dapat mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar. Jika dilihat daripada data dalam jadual 6 tersebut, majority responden bersetuju bahawa guru merupakan pembimbing utama dalam pelajaran dan sebilangan besar daripada responden juga sentiasa meminta restu daripada guru agar ilmu yang mereka perolehi mendapat berkat daripada guru bagi memudahkan mereka menerima ilmu yang disampaikan oleh guru.

Walaupun pada era internet yang serba canggih dan maklumat hanya di hujung jari, para pelajar masih menganggap guru sebagai medium utama penyampai ilmu. Hal ini kerana, guru adalah sumber inspirasi kepada pelajar untuk memotivasikan diri agar terus berusaha untuk mencapai kejayaan dalam hidup (S. Winkel, 1996).

4.2.3 Faktor paling dominan yang mempengaruhi pencapaian PMR pelajar dalam aspek ibu bapa

Jadual 7 menunjukkan analisis responden mengikut kekerapan, peratus, sisihan piawai dan min bagi faktor ibu bapa. Berdasarkan dapatan kajian, faktor tertinggi mempengaruhi kejayaan pelajar dalam PMR adalah kesanggupan ibu bapa menyediakan kelengkapan persekolahan untuk anak-anak mereka iaitu mencapai min 4.705 dengan sisihan piawai 0.565. Tiada pelajar yang menyatakan sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju. Jumlah yang agak bersetuju hanya 5.5% dan sangat setuju 18.5% dan pelajar yang sangat-sangat bersetuju mencapai 74% atau seramai 152 daripada 200 responden.

Pernyataan “ibubapa memberi galakan dan dorongan ” mempunyai min kedua tinggi iaitu 4.680 manakala sisihan piawai mencapai 0.518. Jadual menunjukkan seramai 104 daripada 200 responden yang sangat-sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Pernyataan “menjadikan ibubapa sebagai pembimbing utama pembelajaran ” mempunyai min paling rendah iaitu 4.385 dan sisihan piawai 0.713. Hal ini terjadi kerana kebanyakan ibu bapa pelajar kurang prihatin dengan keperluan pembelajaran kerana faktor tahap pendidikan, terdapat juga yang tidak pernah bersekolah dan tidak tahu membaca dan menulis.

Jadual 7:
Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratus, Sisihan Piawai dan Min
Bagi Faktor Iubapa (n = 200)

Bil.	Pernyataan	STS	TS	AS	SS	SSS	Min	SP
		1	2	3	4	5		
1.	Menjadikan ibubapa sebagai pembimbing utama pembelajaran	1 (0.5%)	21 (10.5%)	-	77 (38.5%)	101 (50.5%)	4.38	0.713
2.	Iubapa menyediakan kelengkapan persekolahan	-	-	11 (5.5%)	37 (18.5%)	152 (76%)	4.70	0.565
3.	Iubapa memberi galakan dan dorongan	-	-	42 (21%)	54 (27%)	104 (52%)	4.68	0.518
4.	Iubapa prihatin dengan keperluan anak	-	-	8 (4%)	44 (22%)	148 (74%)	4.69	0.539
5.	Sentiasa memohon restu ibubapa dalam pembelajaran	-	1 (0.5%)	6 (3%)	57 (28.5%)	136 (68%)	4.64	0.567
Purata							4.62	0.580

Berdasarkan analisis data, faktor pendorong kejayaan pelajar turut dipengaruhi oleh ibu bapa, seperti memenuhi keperluan persekolahan anak-anak termasuklah alat tulis, pakaian sekolah dan keperihatinan ibubapa terhadap perkembangan pendidikan anak-anaknya. Apabila keperluan persekolahan lengkap, pelajar akan lebih bermotivasi kesekolah dan belajar. Dalam hal ini, ibu bapa perlu mempunyai kestabilan ekonomi agar keperluan keluarga terjamin dan mampu menyediakan semua keperluan pelajar.

Selain itu, (Ahmad Zabidi Abdul Razak,2003) menyatakan bahawa, ibubapa perlu membiarkan anak-anak memilih bidang yang hendak diceburi. Jangan memaksa pelajar menjadi sepertimana yang ibubapa inginkan. Contohnya, ibubapa mahukan anaknya menjadi seorang doktor kerana ingin bersaing dengan pencapaian yang telah dicapai oleh anak sahabat-sahabatnya. Keadaan tersebut menimbulkan tekanan kepada pelajar yang boleh menyebabkan mereka tidak bersemangat dalam pelajaran mereka. Oleh yang demikian, faktor ibubapa turut memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan pelajar dalam pencapaian peperiksaan mereka.

4.2.4 Faktor paling dominan yang mempengaruhi pencapaian PMR pelajar dalam aspek rakan sebaya

Jadual 8 menunjukkan analisis responden mengikut kekerapan, peratus, sisihan piawai dan min bagi faktor rakan sebaya. Berdasarkan kepada jadual tersebut mengenai taburan responden mengikut kekerapan, peratus, sisihan piawai dan min bagi faktor rakan sebaya menunjukkan pernyataan “200 responden yang terlibat dalam kajian ini. Bagi kenyataan “Mencontohi rakan yang berjaya dalam pembelajaran” mempunyai tahap min yang paling tinggi iaitu 4.30 dengan sisihan piawai sebanyak .803, 57 orang atau 28.5 peratus agak setuju dengan pernyataan yang diberi. Manakala seramai 66 orang atau 33 peratus setuju dan 77 orang atau 38.5 peratus sangat setuju. Responden bersetuju dengan pernyataan ini, kerana bagi mereka pelajar yang telah berjaya mempunyai strategi pembelajaran dan gaya belajar yang boleh dicontohi yang menyumbang kepada kecemerlangan mereka dalam akademik. Selain itu, pengiktirafan daripada pihak guru, sekolah, ibubapa dan masyarakat kepada pelajar yang berjaya member inspirasi kepada pelajar ini. Jadi pelajar gemar meniru gaya pembelajaran mereka yang telah berjaya.

Pernyataan ‘Pelajar selalu menghabiskan masa bersama kawan’ mempunyai min paling rendah iaitu 4.07 dan sisihan piawai .832. Seramai 2 orang atau 1 peratus sangat tidak setuju, 8 orang atau 4 peratus tidak setuju, 43 orang atau 21.5 peratus agak setuju, 58 orang atau 29 peratus setuju dan 89 orang atau 44.5 peratus sangat setuju. pernyataan ini kurang disetujui oleh pelajar terdapat pelajar yang mempunyai gaya belajar yang berlainan, walaupun terdapat ramai responden yang bersetuju dengan pernyataan ini, namun gaya belajar setiap individu agak berlainan. Misalnya terdapat pelajar yang boleh belajar dengan cara berbincang dan bertukar-tukar pendapat, akan tetapi tidak terkecuali juga individu yang selesa belajar dengan sendiri dan tidak suka kepada kebisingan.

Pernyataan “rakan banyak membantu saya dalam pencapaian peperiksaan” mempunyai tahap min yang sederhana iaitu 4.10 dan sisihan piawai .814. Seramai 40 orang atau 20 peratus agak setuju, 62 orang atau 31 setuju, 98 orang atau 49 peratus, sangat setuju.

Jadual 8:
Taburan Responden Mengikut Kekekapan, Peratus, Sisihan Piawai dan Min
Bagi Faktor Rakan Sebaya (n = 200)

Bil	Pernyataan	STS	TS	AS	SS	SSS	Min	SP
		1	2	3	4	5		
1.	Selalu menghabiskan masa bersama kawan-kawan	2 (1%)	8 (4%)	43 (21.5%)	58 (29%)	89 (44.5%)	4.07	.832
2.	Selalu berbincang mengenai pembelajaran secara berkumpulan	-	-	62 (31%)	61 (30.5%)	77 (38.5%)	4.12	.948
3.	Rakan sentiasa membantu dalam menyelesaikan masalah.	-	-	43 (21.5%)	53 (26.5%)	104 (52%)	4.29	.780
4.	Mencontohi rakan yang berjaya dalam pembelajaran	-	-	57 (28.5%)	66 (33%)	77 (38.5%)	4.30	.803
5.	Rakan banyak membantu saya dalam pencapaian peperiksaan	-	-	40 (20%)	62 (31%)	98 (49%)	4.10	.814
Purata							4.17	.835

Seterusnya bagi pernyataan “Kawan-kawan banyak membantu pelajar menyelesaikan masalah” mempunyai min tahap sederhana iaitu 4.12 dan sisihan piawai ialah .948. Sebanyak 43 orang atau 53 peratus agak setuju, 53 orang atau 26.5 peratus setuju dan 104 orang atau 52 peratus sangat setuju.

Manakala bagi pernyataan “Selalu berbincang mengenai pembelajaran secara berkumpulan” mempunyai min sederhana iaitu 4.12 dan sisihan piawai .948. Tiada responden yang sangat tidak setuju an tidak setuju, 62 orang atau 31 peratus agak setuju, 61 orang atau 30.5 peratus setuju dan 77 orang atau 38.5 peratus sangat setuju.

4.2.5 Faktor paling dominan yang mempengaruhi pencapaian PMR pelajar dalam aspek lain

Jadual 9 menunjukkan analisis responden mengikut kekekapan, peratus, sisihan piawai dan min bagi faktor lain.

Berdasarkan jadual tersebut, pernyataan “bersenam mencergaskan minda saya” mempunyai min paling tinggi iaitu 4.31 dan sisihan piawai .779. iaitu seramai 39 orang atau 19.5 peratus agak setuju, 60 orang atau 30 peratus setuju dan 101 orang atau 50.5 peratus sangat setuju. Responden dalam kajian ini percaya bahawa sekiranya badan dalam keadaan yang sihat,

cergas dan aktif akan mempengaruhi minda dan juga kecerdasan berfikir dan seterusnya pelajar boleh memahami pembelajaran.

Pernyataan “Media massa banyak membantu saya seperti TV, Astro, Internet, Majalah dan lain-lain”, mempunyai tahap min kedua tertinggi iaitu 4.19 dan sisihan piawai .768. Seramai 43 orang atau 21.5 peratus agak setuju, 75 orang atau 37.5 setuju dengan pernyataan tersebut, 82 orang atau 41 peratus responden sangat setuju. Keadaan ini disebabkan minat pelajar membaca. Selain buku-buku teks dan rujukan, pelajar juga suka membaca suratkhbar, berita harian, majalah hiburan, komik, majalah pelajar, menonton televisyen dan melayari internet untuk menambahkan ilmu pengetahuan. Dalam mencapai kecemerlangan dalam akademik pelajar bukan hanya bergantung sepenuhnya kepada buku teks dan rujukan tetapi juga menggunakan bahan lain untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Jadual 9:
Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratus, Sisihan Piawai dan Min
Bagi Faktor lain (n = 200)

Bil	Pernyataan	STS	TS	AS	SS	SSS	Min	SP
		1	2	3	4	5		
1.	Bersenam mencergaskan minda saya	-	-	39 (19.5%)	60 (30%)	101 (50.5%)	4.31	.779
2.	Saya makan makanan pemangkin seperti Vitamin, B-complex.....	-	4 (2%)	63 (31.5%)	97 (48.5%)	36 (18%)	3.82	.739
3.	Menghadiri kelas tuisyen di luar sekolah banyak membantu pencapaian akademik saya.	3 (1.5%)	58 (24%)	56 (28%)	58 (29%)	25 (12.5%)	3.22	1.04
4.	Seminar motivasi di luar banyak membantu saya.	2 (1%)	12 (6%)	48 (24%)	69 (34.5%)	69 (34.5%)	3.95	.957
5.	Media massa banyak membantu saya seperti TV, Astro, Internet, Majalah dll.....	-	-	43 (21.5%)	75 (37.5%)	82 (41%)	4.19	.768
Purata							3.89	.856

Min yang paling rendah iaitu 3.22 dan sisihan piawai 1.04 ialah bagi pernyataan “menghadiri kelas tuisyen di luar sekolah banyak membantu pencapaian akademik saya”. responden yang sangat tidak setuju ialah 3 orang atau 1.5 peratus dan 58 orang atau 24 peratus tidak setuju, 56 orang atau 28 peratus agak setuju, 58 orang atau 29 peratus setuju dan 25 orang atau 12.5 peratus sangat setuju. Ini disebabkan oleh pandangan pelajar bahawa tuisyen di luar sekolah tidak banyak membantu dalam peningkatan pencapaian akademik. Selain itu, kedudukan sekolah di luar bandar dan majoriti ibu bapa yang tidak menghantar anak mereka di pusat tuisyen kerana kurangnya pusat tuisyen yang berdekatan dengan sekolah dan tempat tinggal selain kekangan kewangan.

Pernyataan “Saya makan makanan pemangkin seperti Vitamin, B-complex dan lain-lain”, mempunyai min sederhana iaitu 3.22 dan sisihan piawai .739. Seramai 4 orang atau 2 peratus tidak setuju, 63 orang atau 31.5 peratus agak setuju, 97 orang atau 48.5 peratus setuju dan 36 orang atau 18 peratus sangat setuju.

Pernyataan “Seminar motivasi di luar banyak membantu saya.” mempunyai tahap min yang sederhana iaitu 3.95 dan sisihan piawai .957. Seramai 2 orang atau 1 peratus sangat tidak setuju, 12 orang atau 21.5 peratus tidak setuju, 48 orang atau 24 peratus agak setuju, 69 orang atau 34.5 setuju, 69 orang atau 34.5 peratus sangat setuju.

Secara keseluruhannya dalam dapatan kajian berkaitan dengan factor lain yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar PMR di SMK Tun Fuad Stephens dan SMK Lohan didapati min yang tertinggi adalah berkaitan dengan penjagaan kesihatan fizikal. Mereka percaya tahap kesihatan fizikal yang baik juga mempengaruhi kecerdasan minda pelajar. Ini bermakna aktiviti luar kelas seperti kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak sekolah adalah salah satu langkah yang baik untuk melahirkan insan yang memenuhi aspirasi Negara seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selain itu, kemudahan teknologi juga mendapat persetujuan pelajar di sekolah ini yang menyumbang kepada peningkatan ilmu pengetahuan dan membantu dalam pencapaian akademik yang cemerlang.

4.2.6 Domain utama yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar

Jadual 10 menunjukkan analisis responden mengikut kekerapan dan peratus bagi faktor utama mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dalam peperiksaan PMR di SMK Tun Fuad Stephens dan SMK Lohan Ranau.

Jadual 10:
Taburan Responden Mengikut Kekerapan dan Peratus
Bagi Faktor domain (n = 200)

Bil	Faktor	N	% N
1.	Ibubapa	29	14.5%
2.	Guru	149	74.5%
3.	Diri sendiri	10	5%
4.	Kawan	10	5%
5.	Lain-alin	2	1%
Jumlah		200	100

Faktor “guru” mempunyai peratusan paling tinggi iaitu 74.5 atau 149 orang responden bersetuju. Ini kerana pelajar berpendapat bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh guru-guru mereka telah membantu mereka dalam merancang strategi pembelajaran yang sesuai dalam mencapai matlamat pembelajaran. Selain itu, dorongan dan juga restu guru sebagai pengganti ibubapa di sekolah mendorong pelajar memilih dan merasakan bahawa guru adalah pembimbing

utama kepada kejayaan. Guru adalah penggerak kepada mentaliti pelajar itu sendiri dengan memberikan contoh yang baik, memberikan pendedahan tentang teknik pembelajaran yang berkesan dan juga cara belajar mengikut kepelbagaian pelajar. Keprihatinan guru terhadap keperluan pembelajaran pelajar misalnya memberikan yang terbaik kepada pelajar ketika menyampaikan pengajaran dan latihan yang berterusan mendorong kepada minat, pemahaman dan penguasaan pelajar berkenaan subjek tersebut.

Domain yang kedua yang membantu pelajar dalam mencapai kecemerlangan bidang akademik ialah faktor “Ibubapa” mempunyai peratusan kedua tertinggi iaitu 14.5 atau 29 orang bersetuju dengan pernyataan ini. Ini kerana ibubapa adalah sumber inspirasi dan yang banyak mendorong kepada kejayaan pelajar. Ibubapa yang prihatin, menyediakan kelengkapan untuk pembelajaran menjadikan pelajar ini lebih bersemangat untuk memajukan diri sendiri dan ingin menunjukkan bahawa mereka anak yang boleh mengubah masa depan keluarga. Responden dalam kajian ini kebanyakannya adalah terdiri daripada latar belakang pendidikan ibubapa yang berada pada tahap rendah. Terdapat ibubapa yang hanya tamat tahun 6, tingkatan 3 dan tingkatan 5. Justeru mereka mahu supaya anak-anak tidak mengikut jejak langkah ibubapa. Malahan ibubapa terlalu prihatin terhadap pendidikan anak-anak dan ingin melihat anak mereka memperolehi pendidikan sehingga tahap yang tinggi iaitu melanjutkan pelajaran di peringkat Universiti. Faktor ibubapa banyak membantu pelajar ini dalam persekolahan dan kejayaan pembelajaran.

Faktor kawan dan diri sendiri masing-masing 10 orang responden yang bersetuju ataupun 5 peratus daripada keseluruhan responden kajian. Faktor “lain-lain” mempunyai peratusan paling rendah iaitu 1 peratus atau 2 orang responden sahaja yang bersetuju. Faktor lain termasuklah dari aspek kesihatan diri melalui aktiviti riadah, menggunakan atau mengamalkan pemakanan pemangkin seperti vitamin B-compleks, Spirulina, dan sebagainya, mengikuti tuisyen di luar sekolah, media massa seperti internet, surat khabar dan majalah lain dan program motivasi di luar sekolah. Berdasarkan kepada pencapaian PMR pelajar di sekolah ini, tidak ramai yang mengikuti tuisyen di luar sekolah akan tetapi masih boleh berjaya mendapatkan 7A dan 8A dalam peperiksaan tersebut.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada dapatan kajian mengenai domain yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar, dapat dirumuskan bahawa walaupun peratusan memilih guru sebagai agen yang membawa kepada kecemerlangan akademik pelajar dalam peperiksaan PMR akan tetapi domain yang lain juga ada kaitan dengan pencapaian akademik pelajar. Sekiranya semua domain ini disepadukan akan memantapkan lagi strategi pembelajaran pelajar yang akan dapat memastikan kecemerlangan akademik pelajar. Kajian ini dapat merumuskan bahawa domain sendiri, guru, ibubapa, dan rakan banyak mempengaruhi strategi dan gaya pembelajaran pelajar yang mendorong kepada pencapaian PMR.